

Wanita UMNO sedia calon di Kelantan

KOTA BHARU, Selasa — Pergerakan Wanita UMNO Kelantan bersedia meletakkan calonnya di beberapa kawasan Dewan Negeri dan Parlimen di negeri ini dalam pilihan raya umum akan datang jika diberi peluang oleh pucuk pimpinan parti.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani berkata hari ini, pihaknya sanggup meletakkan calonnya menentang Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd Asri Haji Muda di mana-mana kawasan Parlimen atau negeri di Kelantan.

Beliau menyebut demikian kepada para pemberita selepas perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Pergerakan Wanita UMNO Kelantan di sini.

Turut sama Naib Ketua Pergerakan itu, Datin Paduka Rafidah Asha yang juga Menteri Perusahaan Awam, Betinausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Hajjah Shariffah Dora Syed Mohamed yang juga ahli Exco Pergerakan itu dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kelantan, Tengku Nor Asiah Tengku Ahmad.

Tegas Datin Paduka Aishah lagi,

Wanita UMNO Kelantan telah memberi kesanggupan meletakkan calonnya di beberapa kawasan Dewan Undangan Negeri atau terutama di kawasan kubu kuat PAS.

"Bagaimanapun, ini terserahkan kepada pucuk pimpinan parti," legasnya lagi.

Menurut beliau, Pergerakan Wanita UMNO Malaysia mahu menambah calon wanita sekurang-kurangnya satu kerusi Parlimen dan satu Dewan Negeri untuk negeri-negeri yang masih belum mempunyai calon wanitanya seperti Trengganu, Perlis, Pulau Pinang dan Kelantan.

Beliau menerangkan pihaknya bercadang untuk mengemukakan dua calon wanitanya untuk Dewan Negeri dan seorang lagi calon Parlimen di Kelantan.

Bagaimanapun, beliau tidak menerangkan kawasan-kawasan yang dicadangkan kerana ini merupakan strategi UMNO sendiri.

Datin Paduka Hajjah Aishah yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini untuk meninjau keadaan politik semasa di kalangan Pergerakan Wanita UMNO dan menerima maklum balas masalah yang berkaitan dengan Pergerakan Wanita itu.

Beliau mengucapkan syabas di atas kegigihan dan semangat perjuangan yang begitu tinggi di kalangan pemimpin-pemimpin Pergerakan Wanita

UMNO Negeri Kelantan sehingga sanggup menentang Datuk Haji Asri sekiranya mereka dicalonkan dalam pilihan raya umum akan datang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia